3. Isi tempat kosong dengan jawapan yang tepat tentang kejadian kesan pergerakan bumi. (TP4)

(a)

(i) Gambar di atas menunjukkan proses ______________________.

(ii) Proses bumi itu disebabkan oleh ________________ atau pemisahan plat.

(b)



(i) Rajah di atas menunjukkan proses pembentukan ______________________.

(ii) Proses tersebut berlaku akibat pergerakan dan ________________ plat bumi apabila terdapatnya ____________________ pada kerak bumi.

(c)



(i) Rajah di atas menunjukkan proses pembentukan ______________________.

(ii) Daya tegangan atau mampatan menyebabkan berlakunya proses ________________ di sempadan plat bumi di daratan atau di lautan.

(d) (i) Proses pertembungan dan ________________ antara plat mewujudkan daya tekanan yang menyebabkan berlakunya ______________________.

(ii) Kejadian gempa bumi yang berlaku di dasar laut boleh mengakibatkan ________________.

REVISI

1. **Pencapahan** plat berlaku apabila dua plat berpisah dan bergerak ke arah yang bertentangan.
2. Pencapahan menghasilkan tegangan yang kuat pada kerak bumi dan menyebabkan rekahan di sempadan plat.
3. Pencapahan plat menyebabkan:
   - pembentukan **gunung bongkah**
   - **hanyutan benua**
4. Gunung bongkah:
   - Terbentuk akibat proses gelinciran atau sesaran
   - Lurah gelinciran terbentuk apabila satu bahagian kerak bumi jatuh ke bawah dari kedudukan asalnya, diakibatkan oleh daya ketegangan
   - Gunung bongkah terbentuk apabila satu bahagian kerak bumi terangkat ke atas akibat daya mampatan
5. Hanyutan benua:
   - Menurut ahli sains Jerman, iaitu Alfred Wegener, 200 juta tahun dulu semua benua yang ada sekarang bercantum dan membentuk hanya satu benua sahaja
   - Benua tunggal itu dikenali sebagai 'Pangaea'
   - 'Pangaea' kemudian berpecah menjadi beberapa benua
   - Kedudukan benua yang ada pada masa sekarang adalah kesan daripada hanyutan benua

VIDEO Tsunami

LIVEWORKSHEETS